

# 1,144 terkorban gempa di China

BERITA HARIAN 17/04/2010 MISSI

## Lagi mangsa selamat ditemui

**Y**USHU: Mangsa yang terkorban akibat gempa bumi di bahagian barat China mencapai angka 1,144 ketika krew penyelamat menemui beberapa lagi penduduk yang terselamat manakala orang lain yang kehilangan tempat tinggal mengadu lewat menerima bantuan.

Meskipun angka rasmi korban meningkat, organisasi bukan kerajaan pula melaporkan 1,000 terbunuh dalam kejadian itu.

Berucap di hadapan penduduk Gyegu di kawasan tanah tinggi Tibet lewat kelmarin, Perdana Menteri, Wen Jiabao berjanji di atas runtuhan dan berjanji usaha menyelamat adalah berterusan.

Televisyen tempatan menunjukkan Wen menenangkan mereka yang terselamat dalam khemah, seorang penduduk menangis apabila beliau bercakap dengannya sambil mengendong seorang anak.

Mangsa terselamat dalam kejadian gempa bumi Rabu lalu tidur dalam khemah sementara doktor bertungkus lumus merawat mangsa yang cedera dalam pusat perubatan bergerak.

Di pinggir Gyegu dekat Tibet, polis campur tangan

untuk meleraikan sekumpulan penduduk yang berang menunggu khemah dipungah dari sebuah trak untuk dipasang.

Cuona Laji, 67, seorang wanita yang dianggap sebagai pemimpin penduduk berkata, penduduk tempatan percaya mereka dengan pengaruh politik mendapat bahagian lebih dari segi agihan khemah dan bekalan lain. Beliau menasihatkan mereka supaya tidak bergaduh.

“Kita perlukan makanan, bahan api, khemah dan air dan ia tidak mencukupi. Apabila penduduk amat terdesak, mereka rasa marah jika barangan tidak dibahagikan dengan adil.”

Sesetengah mangsa terselamat berkata mereka melihat khemah diambil oleh penduduk yang bukan dari daerah terjejas gempa di Yushu.

“Yang menjadi masalah ialah sesetengah penduduk yang tidak terjejas akibat gempa mengambil dan mencuri khemah kami. Mereka yang datang lewat hari ini tidak mendapat apa-apa khemah,” kata mangsa terselamat, Suona Minju, 32.

“Mereka mengalami kesukaran dalam keluarga, sesetengah saudara mara maut,



**SEORANG** sami merakam ratusan bungkus mayat mangsa gempa di bandar Gyegu, daerah Yushu di Qinghai.

mereka tidak memiliki dapur untuk memasak, tiada khemah dan tiada rumah.”

Namun di Beijing, Miao Chonggang, timbalan pengarah bantuan gempa dari Pentadbiran Gempa Bumi China, berkata beliau tidak mendengar masalah seperti itu.

“Kami tidak tahu menahu mengenai pengagihan tidak adil bantuan,” katanya dalam sidang media menambah bahawa kerja bantuan dijalankan 'secara teratur'.

Ratusan atau malah ribuan sami Buddha Tibet dengan pakaian bantuan dan jaket menyertai usaha menyelamat dijalankan tentera dan pasukan penyelamat di daerah terpencil Yushu.

Sami dari seluruh kawasan Tibet berpusu-pusu ke dalam Yushu bagi membantu usaha menyelamat termasuk sekumpulan dari Qamdo di Rantau Autonomi Tibet.

Di tepi bukit di bawah pimpinan pertapaan Gyegu, sami

berkumpul bagi membaca mentera di hadapan timbunan mangsa. Sesetengah membantu penduduk mencari saudara mara di kalangan apa yang jelas ratusan mayat, dikumpul dan ditutup di atas para.

“Kebanyakan mayat mangsa di sini tidak mempunyai keluarga atau keluarga tidak datang mencari mereka, justeru menjadi tugas kami menjaga mereka,” kata Lopu, seorang sami berpakaian jubah merah. – Reuters



AFP

**SATU** mayat mangsa gempa ditarik daripada runtuh bangunan, kelmarin.



REUTERS

**SEORANG** wanita menenangkan ibunya ketika tiba di hospital di Chengdu, Sichuan untuk rawatan.